



Foto Oleh Nur Farahaamni Hamsir

INSPIRASI MAHASISWA

Oleh Nur Farahaamni Haamsir

farahlala95@gmail.com

Sebagai seorang mahasiswa, kemahiran menguruskan masa adalah perkara asas yang paling utama yang perlu kita pelajari, setiap mahasiswa perlu bijak menguruskan masa, barulah mahasiswa tersebut boleh menjadi seorang mahasiswa yang berjaya. Anda sukar menguruskan masa dengan anda dengan baik? Jom dengar kisah mahasiswa ini, ada pasti bertemu inspirasi.

“ Berani berkorban ”

Merupakan anak sulung daripada 4 orang adik-beradik, Awangku Iskandar Sarizan Awang Sari, pelajar tahun 2 dalam bidang Hubungan Antarabangsa, UMS, mempunyai satu lagi komitmen besar selain bergelar mahasiswa.

“Saya juga bekerja sebagai pegawai pemasaran di sebuah

syarikat yang berprofilkan pengurusan dan juga perkhidmatan. Tujuan saya bekerja sambil belajar, pertamanya adalah untuk mencari seberapa banyak pengalaman di alam pekerjaan. Kedua, adalah untuk berdikari menjana hasil pendapatan sendiri, yang ketiga untuk memanfaatkan masa yang terluang terutamanya semasa cuti semester, dan yang terakhir adalah sebagai persiapan diri menempuh hidup selepas tamat belajar nanti. Cabaran bagi saya apabila berkaitan dengan pembahagian atau pengurusan masa, kadang kala saya tersepit diantara kerja pejabat dan tugas kuliah. Tetapi Alhamdulillah majikan dan “coursemate” sentiasa menjadi pendorong dan sudi menegur. Masa saya sendiri banyak dikorbankan, pulang lewat malam dan seumpamanya sudah menjadi perkara biasa”.

Namun bagi Iskandar, setiap pengorbanan pasti ada hasilnya. “Majikan saya selalu cakap “tidak apa, dulu saya juga macam kamu, pulang lewat kerja dan belajar”, saya jadikan dia ikon saya dalam mencapai kejayaan, kalau dia boleh, saya juga boleh. Nasihat saya, jangan tangguhkan kerja, sentiasalah merujuk kepada orang atau kawan-kawan yang lebih arif”.

“Beri keutamaan kepada yang utama”

Berasal daripada Tamparuli, Joviana Juanis, pelajar tahun 2, bidang komunikasi, UMS, telah mengikuti satu kelas penjagaan kecantikan yang dikendalikan oleh Fairuz Azrul Suip. “Sebenarnya saya tidak tertarik pun untuk menceburii bidang perniagaan, saya hanya ingin mengikuti kelas penjagaan kecantikan tersebut iaitu berkenaan dengan Produk Mary Kay, kelas tersebut adalah dibawah anjuran Mary Kay. Tetapi tanpa disangka apabila saya datang ke situ saya memperoleh sesuatu yang baru, iaitu peluang dan pilihan, Mary Kay memberi kami peluang untuk menyertai mereka sebagai agen produk kecantikan syarikat tersebut.”

Akhirnya Joviana bersetuju mencuba, “berdasarkan pengalaman pertama saya mencubanya, saya dapat diri saya terdorong untuk menguruskan masa dengan lebih bijak, maksud saya disini menceburii bidang perniagaan sambil menjadi seorang mahasiswa sememangnya mengajak saya untuk lebih bijak menguruskan masa. Saya fokuskan kuliah berbanding kerjaya sambilan saya, saya tentukan keutamaan saya dalam menguruskan masa, mana yang lebih utama saya dahulukan, mana yang sambilan saya kemudiankan. Senior director saya, Encik Fairuz banyak mendorong saya untuk menceburkan diri dalam perniagaan, begitu juga dengan kawan-kawan dan keluarga yang sentiasa memberi sokongan. Bagi saya, seorang mahasiswa juga perlu mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu yang baru demi mencapai kejayaan yang diharapkan”.



Siswa/i Fakulti Kemanusiaan Seni & Warisan

Foto Oleh Nur Farahaamni Hamsir



Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah

Foto Oleh Nur Farahaamni Hamsir

“ Tidak Bertangguh ”

Mohd Johairi Mohd Shafuwani, pelajar tahun 4 ijazah doktor perubatan, berasal dari daerah Sandakan, Sabah. Sebagai seorang mahasiswa, Johairi tidak hanya menumpukan perhatian kepada pelajaran semata-mata, malah turut bergiat aktif didalam aktiviti kemasyarakatan. Johairi juga merupakan Naib Presiden Perpaduan ECO campus UMS sesi 2016/2017, Duta Rural Universiti NBOS, UMS, dan Presiden Persatuan Sukarelawan Anak Sandakan (PERSAS). Antara program yang pernah disertai dan dianjurkannya adalah Program Health Promotion, 2015, Pitas, Sabah, Karnival Sukarelawan UMS 2016 (KARSUMS), Program Khidmat Masyarakat 2016 (PKM), Sandakan, Sabah, Program Jom Sihat 2017, UMS dan banyak lagi.

“Tujuan saya menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini sebenarnya adalah untuk mengambil pengalaman, pada pendapat saya seorang yang bergelar mahasiswa itu perlu berani menimba ilmu dan pengalaman dari sudut lain tidak hanya kepada satu bidang sahaja. Selain itu, saya ingin membantu orang diri sendiri dan orang lain, mahasiswa itu bukan duduk sahaja disatu tempat dan hanya menyiapkan tugas, mahasiswa perlu berani keluar, mencari pengalaman seperti mengikuti program-program anjuran Universiti, membuat kerja sambilan dan sebagainya, pengalaman akan membantu diri menambahkan ilmu”.

“Saya suka membantu orang lain kerana disamping itu saya juga boleh membantu diri saya mengasah kemahiran yang saya ada, seperti berkomunikasi dengan macam-macam orang dan berhadapan dengan

pelbagai situasi”.

Sebagai seorang mahasiswa yang berkomitmen dengan pelbagai tanggungjawab lain, Johairi perlu bijak merancang jadualnya. “Dalam setiap program perlu pandai agihkan tugas kepada orang-orang kita atau ahli-ahli dalam organisasi. Jika kita dan ahli lain berjaya bekerjasama dengan baik maka kerja akan lebih mudah. Memang tidak semestinya semua manusia boleh sefahaman, disitulah kita perlu bijak mengawal keadaan. Seterusnya pantau tugas ahli dalam organisasi, pantau gerak kerja mereka dan dalam masa sama pastikan buat kerja sendiri, jangan hanya jadi “mandur”.

“Semasa kuliah pula, kena pandai kejar masa untuk ke program dan mohon kebenaran dengan pensyarah terlebih dahulu, jangan tinggalkan kelas yang sepatutnya kita hadiri,

hormati pensyarah kita, rancanglah masa kita dengan bijak, buat kerja awal, susun gerak kerja kita, pastikan kerja kita selesai awal seminggu sebelum tarikh sepatutnya jika boleh.”

“ Bahagi waktu sama rata ”

Maslin binti mujun pelajar tahun 2, ijazah sarjana muda pengurusan perhotelan merupakan seorang mahasiswa yang berjiwa kental. Selain mempunyai komitmen dengan pelajarannya dia juga menyertai pasukan unit beruniform PALAPES Udara (Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Tentera Udara) sebagai subjek kokurikulumnya di Universiti Malaysia Sabah.

“Saya telah memilih untuk menyertai unit beruniform palapes udara , dan sekarakter saya memegang jawatan Pegawai kadet koperal. Jawatan ini merupakan jawatan tertinggi atau disebut sebagai “rank holder”. Saya memilih menyertai “airforce” kerana minat saya terhadap aktiviti lasak dan sekali gus ingin merasai pengalaman sebagai seorang tentera”.

Maslin seorang yang tidak mudah berputus asa, oleh itu walaupun merasa letih dengan aktiviti kokurikulumnya, dia tetap tidak mengabaikan pelajarannya, “Bagaimana saya mengurus masa sebagai seorang pegawai kadet dan mahasiswa ialah saya akan menetapkan bahawa hujung minggu adalah aktiviti untuk palapes ketika waktu latihan, dan hari-hari biasa merupakan waktu saya sebagai seorang “student” iaitu menuntut ilmu dan menyiapkan tugasan. Untuk kerja berkaitan palapes saya akan segerakan dan memilih waktu yang sesuai untuk disiapkan begitu juga untuk tugasan pelajaran saya, setiap kali ada masa saya akan penuhi dengan menyiapkan segala tugasan seperti tugasan kumpulan dan Individual”.

“Sememangnya pengurusan masa amat mencabar bagi saya namun saya cuba atasi dengan memberikan komitmen yang seimbang terhadap palapes dan pelajaran saya. Walaupun penat terutama selepas latihan palapes tetapi saya cuba atasi dengan memastikan masa rehat saya mencukupi dan tidak tertumpu kepada palapes semata-mata. Selama saya menyertai palapes ibu bapa serta ahli keluarga banyak memberi sokongan dan amat positif dengan penyertaan saya dalam palapes. Kawan-kawan dalam palapes juga turut memberi semangat kerana kadang-kadang saya juga sering merasa patah semangat, dan ingin sekali berhenti menyertai palapes”.



Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan perakaunan, Universiti Malaysia Sabah

Foto Oleh Nur Farahaamni Hamsir